

BAB V

DAPATAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini memaparkan ringkasan kajian secara menyeluruh yang merangkumi tujuan, kerangka teoretikal kajian, reka bentuk kajian, sampel kajian, instrument kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Ini diikuti pula rumusan dan perbincangan dapatan kajian. Seterusnya, pengkaji mengutarakan implikasi kajian ini daripada perspektif pedagogi pengajaran bahasa Arab di sekolah dan juga cadangan-cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji-pengkaji lain dimasa hadapan.

Kajian ini bertujuan untuk (a) mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LIPIA di Jakarta (b) mengenalpasti strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah dalam komunikasi bahasa Arab dan (c) pengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar LIPIA berkomunikasi dalam bahasa Arab

Kajian ini dibahagikan kepada dua peringkat. Di dalam peringkat pertama, pengkaji telah menjalankan soal selidik terhadap 30 responden Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*) di Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) yang terdapat di Jakarta Indonesia. Peringkat ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi pelajar LIPIA di Jakarta dan mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar LIPIA berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Sementara dalam peringkat kedua, pengkaji telah menjalankan aktiviti lisan diatas 12 pelajar responden yang kemudian dibahagikan dalam dua kumpulan iaitu (a) Pelajar Kumpulan A (pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab) dan (b) Pelajar Kumpulan B (pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab). Ini bermakna setiap satu kumpulan bebas mempunyai seorang subjek yang mempunyai asas bahasa Arab ataupun sebaliknya iaitu masing-masing baru mempelajari bahasa Arab. Pemilihan ini dibuat secara rawak semasa aktiviti lisan dijalankan. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab.

5. 2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menghasilkan tiga dapatan kajian bagi menjawab tiga persoalan kajian yang telah dikemukakan pengkaji dalam bab I.

5.2.1 Tahap Penggunaan Strategi Komunikasi Pelajar LIPIA

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar berdasarkan tindak balas pelajar terhadap item-item kajian dapat dibuat suatu kesimpulan, iaitu bahawa hampir semua tindak balas pelajar terhadap tahap penggunaan strategi komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Hanya dua strategi komunikasi didapati berada pada tahap yang sederhana tinggi. Dengan demikian, hampir semua setiap jenis strategi komunikasi digunakan oleh pelajar LIPIA dalam berkomunikasi bahasa Arab.

Rumusan dapatan penggunaan strategi komunikasi oleh subjek yang mempunyai tahap penggunaan yang berbeza, iaitu tahap penggunaan yang tinggi, tahap penggunaan yang sederhana tinggi dan tahap penggunaan yang rendah.

Secara terperinci, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi *pengelakan topik* berada pada tahap yang tinggi, iaitu 80%. Manakala strategi komunikasi *meninggalkan mesej* responden meletakkan tahap penggunaan strategi ini berada pada tahap yang sederhana tinggi, iaitu 72.22%. Dapatan ini berdasarkan tindak balas responden terhadap kesemua item kajian. Hal ini berlaku kerana responden lemah dalam mengetahui leksikal mesej yang ingin disampaikan dalam berkomunikasi bahasa Arab, sehingga mereka sentiasa menggunakan pengelakan dan meninggalkan percakapan.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi komunikasi *penghampiran* berada pada tahap yang tinggi, iaitu 75%. Begitu pula, tahap penggunaan strategi komunikasi *pembentukan kata baru* berada pada tahap yang tinggi, iaitu 82%. Responden memberi gambaran yang biasa mereka buat dalam konteks komunikasi, di mana mereka menggunakan perkataan lain yang mempunyai medan makna yang sama atau hampir sama dengan kosa kata yang ingin disampaikan. Hal ini berlaku ketika responden tidak ingat dan tidak mengetahui kosa kata dalam komunikasinya.

Penggunaan strategi komunikasi *penghuraian* didapati nilai peratusan 77% dan 82.22% bagi penggunaan strategi komunikasi *terjemahan literal*. Walaupun nilai peratusan penggunaan bagi kedua-dua strategi ini adalah berbeza, namun tahap penggunaanya adalah sama, iaitu berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini berdasarkan jawaban daripada responden terhadap kesemua item kajian soal selidik yang di terimanya.

Kesulitan dan kelemahan responden dalam berkomunikasi bahasa Arab disebabkan oleh pengetahuan yang terhad. Namun mereka tetap berusaha dan mencari solusi untuk meneruskan komunikasinya dengan menggunakan strategi penghuraian dan strategi terjemahan literal.

Manakala strategi komunikasi *penukaran kod bahasa* didapati daripada kajian ini berada pada tahap yang sederhana tinggi, iaitu 62.22%. Keputusan ini menggambarkan amalan responden tidak begitu suka menukar bahasa kedua dengan bahasa ibunda mereka ketika tidak lancar dalam berkomunikasi bahasa Arab. Responden lebih cenderung menggunakan strategi komunikasi *rayuan kerjasama* dengan nilai peratusan 82.78% dan strategi *bukan linguistik* mempunyai nilai 76%. Datapan daripada kedua-dua strategi tersebut berada pada tahap yang tinggi, di mana responden berusaha meneruskan percakapannya dengan meminta bantuan kepada pendengar dengan menggunakan isyarat kepada mereka. Tujuanya untuk membantu menyampaikan maksud kepada pendengar seperti menggunakan tangan, kaki, mimik muka dan sebagainya.

Oleh itu, berdasarkan hasil analisis daripada data yang diperoleh melalui soal selidik, secara keseluruhannya dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LIPIA di Jakarta berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun dalam kajian ini didapati dua strategi komunikasi berada pada tahap yang sederhana tinggi, iaitu strategi meninggalkan mesej dan strategi penukaran kod bahasa. Menurut pendapat pengkaji hal ini berlaku kerana responden tidak menguasai pengetahuan linguistik, sehingga mereka mempunyai masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab dan cenderung menggunakan strategi komunikasi untuk menerusi percakapanya.

Selinker (1992) menegaskan bahawa hanya lima peratus daripada pelajar bahasa kedua akhirnya dapat menguasai bahasa kedua dengan sempurna seperti mana penutur jati bahasa kedua tersebut. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan Abdul Rahman Bin Abdullah (2009) yang mendapati penggunaan strategi komunikasi pelajar bahasa Arab sebanyak 1447 kes berada pada tahap yang tinggi, dan berpuncak daripada kesukaran yang dihadapi responden dalam menyampaikan sesuatu mesej.

5.2.2 Strategi Komunikasi Pelajar LPIA

Dari pemerhatian pengkaji semasa menjalankan aktiviti lisan, pengkaji mendapati masalah utama responden adalah krisis kekurangan leksikal bahasa Arab. Masalah ini berlaku kepada kedua-dua kumpulan iaitu responden daripada pelajar kumpulan A (pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab) mahupun pelajar kumpulan B (pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab). Kedua kumpulan gemar menggunakan strategi-strategi komunikasi tertentu bagi mengelakkan ketidak lancaran mereka dalam berkomunikasi bahasa Arab. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Abdul Rahman Abdullah (2009) yang mendapati kebanyakan responden lebih cenderung menggunakan strategi komunikasi tertentu dalam usaha menyampaikan sesuatu mesej.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam aktiviti komunikasi lisan responden menggunakan strategi komunikasi yang berasaskan taksonomi Tarone (1977). Contohnya, terdapat satu kes penggunaan strategi yang diperlihatkan oleh pelajar kumpulan A dan lima kes diperlihatkan oleh pelajar kumpulan B, iaitu *strategi pengelakan topik*. Hal ini didapati dalam aktiviti lisan responden diam dan mendatangkan topik baru ketika kekurangan pembendaharaan kosa kata dalam menyampaikan mesej yang ingin disampaikan. Ini menunjukkan bahawa pelajar

kumpulan B lebih cenderung menggunakan strategi *pengelakan topik* berbanding dengan pelajar kumpulan A.

Satu kes lagi diperlihatkan oleh pelajar kumpulan A dan tiga kes diperlihatkan oleh pelajar kumpulan B dalam aktiviti komunikasi lisan. Dalam percakapannya responden hendak menyatakan suatu konsep, tetapi tidak tahu dan membiarkan konsep itu bergantung, ia tidak berusaha untuk menghuraikannya sehingga ia menggunakan satu strategi daripada pengelakan, iaitu *strategi meninggalkan mesej*. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Tarone (1977), Cohen dan Dumas (1983). Beliau memberi tumpuan kepada dua strategi komunikasi iaitu pengelakan dan parafrasa. Dapatan kajiannya menunjukkan pelajar yang kurang cekap lebih suka menggunakan strategi pengelakan berbanding pelajar yang lebih mahir lebih gemar menggunakan strategi parafrasa.

Kumpulan A memperlihatkan dua kes penggunaan *strategi penghampiran* semasa aktiviti lisan dijalankan. Responden tidak tahu kosa kata bahasa Arab daripada mesej yang ingin disampaikan namun responden menggunakan kosa kata lain yang mempunyai maksud yang sama. Strategi ini adalah bahagian daripada strategi parafrasa. Dapatan kajian ini selari dengan pernyataan Tarone (1977), Faerch dan Kasper (1983) bahawa pelajar yang lebih mahir dalam percakapan ia lebih gemar menggunakan strategi parafrasa dibanding strategi lainnya.

Disampaing itu, terdapat satu kes *strategi terjemahan literal* diperlihatkan oleh pelajar kumpulan A dalam aktiviti lisan. Manakala pelajar kumpulan B memperlihatkan satu kes strategi *penukaran kod bahasa*. Kedua-dua strategi tersebut adalah bahagian daripada strategi pemindahan secara sedar dalam komunikasi bahasa bahasa Arab.

Kemudian diikuti dua kes *strategi rayuan kerjasama* yang diperlihatkan pelajar kumpulan B semasa menjalankan aktiviti lisan. Ini bererti bahawa pelajar kumpulan B mempunyai masalah dan lebih cenderung menggunakan strategi rayuan kerjasama untuk mengatasi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa pelajar LIPIA menggunakan hampir semua strategi komunikasi berasaskan taksonomi Tarone (1977) ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, dalam aktiviti lisan pelajar kumpulan B lebih cenderung menggunakan strategi komunikasi pengelakan dan rayuan kerjasama berbanding dengan pelajar kumpulan A. Hal ini disebabkan oleh pengetahuan yang terhad dan kekurangan pelajar terhadap perbendaharaan kosa kata sehingga pelajar menghadapi masalah dalam berkomunikasi bahasa Arab. Namun begitu, mereka tetap berusaha untuk menyampaikan mesej mereka kepada pendengar dengan menggunakan strategi komunikasi.

5.2.3 Faktor-faktor Mendorong Pelajar LIPIA Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilakukan di sini, dapatlah dirumuskan bahawa faktor yang mendorong pelajar dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab antara lain adalah faktor motivasi pelajar dan faktor dorongan guru. Kajian ini berdasarkan tindak balas responden terhadap item-item kajian tentang motivasi dan dorongan guru yang diperolehi daripada pelajar melalui soal selidik. Motivasi pelajar merangkumi beberapa elemen di antara ialah belajar bahasa Arab untuk memahami al-Qur'an, kemudian diikuti minat pelajar mempelajari bahasa Arab wujud dalam diri pelajar, pernah belajar di tempat yang lain dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Kesemua daripada elemen motivasi tersebut berada pada taraf yang tinggi.

Namun daripada motivasi pelajar mengikuti kegiatan ekstrakurikuler dan menganggap bahawa belajar bahasa Arab adalah mudah. Kedua-dua motivasi tersebut tidak begitu memberikan dorongan kepada responden sehingga tindak balas responden meletakkan pada taraf yang sederhana tinggi, iaitu 86.11%. Dengan demikian, secara keseluruhan hasil analisis kajian terhadap motivasi pelajar menunjukkan majoriti responden membenarkan bahawa motivasi pelajar sebagai faktor yang dapat memberi dorongan yang kuat dan tinggi sehingga mereka dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Manakala faktor dorongan guru yang diberikan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa Arab berdasarkan elemen-elemen kajian yang diperoleh daripada pelajar melalui soal selidik. Kesemua elemen dorongan guru ialah guru memberi arahan supaya responden menggunakan apa sahaja strategi ketika menghadapi kesulitan dalam berkomunikasi bahasa Arab, diikuti dengan elemen guru memberi petunjuk cara mempelajari bahasa Arab dengan teratur dan benar dan responden diberi peluang dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab dalam kelas. Dengan demikian, dapatan daripada kesemua elemen ini berada pada taraf yang tinggi, iaitu 87.78% di mana majoriti responden memberi tindak balas yang mungkin bersesuaian dengan apa yang dirasakan oleh responden ketika mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Daripada dapatan kajian ini, dapatlah dikatakan bahawa motivasi pelajar dan dorongan guru yang diberikan kepada pelajar telah menjadi faktor yang mendorong pelajar-pelajar LIPIA berkomunikasi dalam bahasa Arab. Walaupun, dalam soal selidik pengkaji tidak memberi tahu bahawa elemen kajian itu merangkumi faktor motivasi dan dorongan guru namun responden dapat memilih jawaban sesuai dengan apa yang mereka alami. Sehingga jawaban tersebut dapat memberi gambaran terhadap amalan yang biasa mereka lakukan. Stephen (1985) menyatakan bahawa pelajar bahasa kedua yang

mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan diri, penampilan diri yang baik dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai peluang kejayaan yang lebih untuk menguasai bahasa kedua. Kesimpulan kajian secara keseluruhannya, ialah:

- (a) Tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar LIPIA di Jakarta berada pada tahap yang tinggi. Maknanya responden kerap kali dan gemar menggunakan strategi komunikasi ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hal ini dibuktikan daripada jawaban responden terhadap soal selidik yang majoriti responden menyatakan setuju menggunakan strategi komunikasi.
- (b) Dalam aktiviti lisan pelajar menggunakan hampir semua strategi komunikasi berasaskan taksonomi Tarone (1977) ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Strategi komunikasi yang digunakan diantaranya: strategi pengelakan topik, meninggalkan mesej, strategi penghampiran, strategi penghuraian, strategi penukaran kod bahasa dan strategi rayuan kerjasama. Kesemua strategi tersebut merupakan strategi komunikasi Taksonomi Tarone (1977). Namun dari beberapa strategi komunikasi tersebut yang kerap kali digunakan adalah strategi pengelakan, iaitu pengelakan topik mahupun meninggalkan mesej yang kesemuanya diperlihatkan delapan kes.
- (c) Motivasi pelajar dan dorongan guru sebagai faktor yang mendorong pelajar-pelajar LIPIA berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hal ini berdasarkan daripada hasil analisis terhadap elemen-elemen kajian dimana responden memberi tindak balas berada pada taraf yang tinggi. Ini bererti faktor motivasi dan dorongan guru dapat memberi dorongan terhadap pelajar dalam pembelajaran dan berkomunikasi bahasa Arab. Namun begitu ia bukanlah bermaksud komunikasi yang lancar tanpa kesilapan nahu. Walaupun ujaran mereka tidak lancar dan sering melakukan

kesilapan bahasa, namun mesej yang ingin disampaikan berjaya difahami oleh pendengar.

Walaupun dalam kajian ini pengkaji membuat pemerhatian dengan membahagikan pelajar kepada dua kumpulan namun keupayaan kedua-duanya adalah hampir sama. Ini mungkin kerana keupayaan mengingat yang ada pada “Pelajar Kumpulan A” terhadap perkara-perkara tertentu dalam bahasa Arab telah hilang atau berkurang. Ini kerana sifat bahasa itu sendiri memerlukan pengulangan, latih tubi dan amalan supaya ia tidak hilang begitu sahaja. Dalam kes ini, menurut pendapat pengkaji bahawa ini berlaku akibat pelajar sudah terlalu lama tidak belajar mahupun bertutur bahasa Arab keupayaan mereka telah merosot. Mereka hanya belajar bahasa Arab sewaktu bersekolah menengah sahaja. Ini pula di antara penemuan menarik kajian ini, iaitu kemerosotan kemahiran berbahasa boleh berlaku kerena tiadanya amalan penggunaan yang berterusan. Tegasnya bahasa mestilah digunakan dengan kerap atau dipraktikkan.

Apa yang terpenting dalam dapatan kajian ini ialah penemuan dua strategi baru yang tidak terdapat dalam model taksonomi strategi komunikasi Tarone (1977). Dua strategi tersebut ialah (a) strategi penjedaan (b) strategi pengulangan. Strategi penjedaan bermaksud responden berhenti sebentar (Dewan Bahasa Edisi Keempat, 1996) atau mengambil satu tempoh masa untuk berfikir sejenak menganai leksikal yang sesuai dengan mesej yang ingin disampaikan. Kajian mendapati dengan menggunakan strategi ini dalam aktiviti lisan ialah menemui 19 kes penggunaan strategi penjedaan.

Manakala strategi pengulangan pula bermaksud ialah pengulangan perkataan, frasa atau pun klausa. Kebanyakan responden menggunakan strategi pengulangan dengan tujuan untuk (a) memberi penekanan kepada makna sesuatu perkataan; (b) memanjangkan

masa untuk memberi peluang mengingatkan kembali leksikal bahasa Arab yang ingin diujarkan; (c) mencari atau mendapatkan idea yang akan disampaikan; (d) membetulkan kesilapan sebutan, kesalahan tatabahasa atau pun bentuk perkataan kata kerja, ganti nama dan sebagainya. Sebanyak 30 kes strategi ini digunakan dalam aktiviti lisan yang dijalankan. Penemuan strategi-strategi baru itu mencerminkan daya usaha yang bersunguh-sunguh pelajar ini untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab agar mereka dapat melepaskan diri dari masalah komunikasi tersebut.

5.3 IMPLIKASI UNTUK KAJIAN SELANJUTNYA

Kajian Strategi Komunikasi semakin berkembang baik di Malaysia ataupun di Indonesia. Kajian strategi komunikasi muncul dan popular pada tahun 1980an di Negara ini. Walau bagaimanapun kajian strategi komunikasi masih menarik untuk diteruskan. Walaupun ada pelbagai kajian mengenai strategi komunikasi di Negara kita telah wujud namun subjek-subjek dan kajian bahasa-bahasa yang terlibat adalah berbeza. Keadaan ini sudah tentu menjadi penyumbang kepada kajian strategi komunikasi yang seterusnya. Kajian strategi komunikasi adalah terkait rapat dengan bidang komunikasi. Sifat komunikasi itu sendiri akan sentiasa berubah dan meningkat berdasarkan peredaran masa. Bermungkinan nanti kajian strategi komunikasi yang dilakukan pada hari ini tidak sama dengan kajian strategi pada sepuluh atau dua puluh tahun akan datang.

Diharapkan semoga akan ada lebih banyak kajian mengenai strategi dilakukan nanti. Seseorang pengkaji boleh membuat kajian ke atas penggunaan strategi komunikasi di kalangan pelajar yang belajar bahasa asing yang semakin popular di Negara kita pada hari ini. Hasil kajian itu nanti mungkin dapat diperbandingkan. Tujuannya adalah untuk dapat mencari penemuan yang terbaik dan boleh digunakan sebagai panduan kepada guru-guru bahasa asing apabila berhadapan dengan pelajarnya.

berkomunikasi di dalam kelas pengajaran bahasa. Pengkaji boleh melihat persamaan dan perbezaan di antara kajianya dengan kajian ini. Hasilnya nanti, kita boleh melihat kenapa wujudnya persamaan dan perbezaan penggunaan strategi komunikasi dan penemuan tertentu akan ditemui. Tentunya ia memberi sumbangan yang besar dalam dunia pendidikan bahasa. Adalah digalakkan pengkaji yang berminat dengan bidang strategi komunikasi membuat kajian ke atas perbezaan cina, jepun dan sebagainya.

Kesimpulannya bidang kajian strategi komunikasi sungguh meluas dan menarik untuk diperbahaskan. Perkembanganya kini semakin maju selaras dengan perkembangan pembelajaran bahasa-bahasa asing dalam masyarakat Malaysia yang multi lingual ini. Kerajaan Malaysia pada hari juga menggalakkan rakyat menguasai bahasa inggeris dan mempelajari bahasa asing. Oleh itu, kajian ini sealiran dengan kehendak semasa. Penemuan yang berhasil dalam kajian ini di harapkan boleh membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa khasnya bahasa asing. Penulis berharap kajian strategi komunikasi akan terus berkembang maju. Pengkaji juga berharap kajian ini mampu menjadi rujukan kepada guru-guru, pelajar, dan pensyarah bahasa Arab yang ada di Malaysia khususnya apabila berhadapan dengan kelas bahasa asing yang disertai oleh pelajar-pelajar Melayu.

5.4 PENUTUP

Kajian ini dibuat atas kesadaran untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar LIPIA di Jakarta. Skop kajian ini juga diperluas dengan mengenalpasti pelajar LIPIA menggunakan strategi komunikasi ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab dan melihat taraf faktor-faktor yang mendorong pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab dan

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi penulis membuat kesimpulan bahawa responden dalam kajian ini; pertama – tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LIPIA di Jakarta didapati terada pada tahap yang tinggi responden menyatakan setuju penggunaan strategi komunikasi dan merespon dengan baik. Kedua – Pelajar LIPIA telah mengamalkan beberapa strategi komunikasi ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Strategi tersebut berasaskan taksonomi Tarone (1977), namun disini “Pelajar Kumpulan B” lebih banyak mengamalkan strategi komunikasi berbanding dengan “Pelajar Kumpulan A”. Keempat - terdapat penemuan dua strategi yang tidak terdapat dalam model taksonomi Tarone (1977) dalam komunikasi. Dua strategi tersebut adalah (a) Strategi penjedaan dan (b) strategi pengulangan. Ketiga – taraf faktor-faktor yang mendorong pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab berada pada taraf yang tinggi. Ini bererti, dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar dan dorongan guru sebagai faktor yang mendorong pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Adalah diharapkan dapatan kajian mengenai strategi komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar kolej di Jakarta yang diutarakan pengkaji mungkin membantu mempertingkatkan lagi mutu penguasaan bahasa Arab dikalangan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asli

Created with

